

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD
(BUKIT GANTANG)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD [BUKIT GANTANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengapakah rakyat yang memohon Rumah Mesra Rakyat mesti mendapat pengesahan keahlian UMNO daripada ketua cawangan UMNO seperti borang yang diedarkan di sebuah Pejabat UMNO bahagian.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Syarikat Perumahan Negara Bhd (**SPNB**) telah ditubuhkan pada 21 Ogos 1997 sebagai syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) yang bertujuan menyediakan rumah mampu milik dan rumah kos rendah yang berkualiti kepada setiap keluarga di Malaysia sejajar dengan Objektif Perumahan Negara. SPNB

mempunyai tiga produk perumahan yang utama, iaitu Rumah Mesra Rakyat 1Malaysia (RMR1M), Rumah Idaman Rakyat (RIR) dan Rumah Aspirasi Rakyat (RAR).

Fokus SPNB secara amnya adalah untuk memenuhi permintaan keperluan perumahan daripada golongan berpendapatan rendah dan sederhana (RM750 hingga RM10,000 sebulan) melalui Program RMR1M, RIR dan RAR.

Tuan Yang Dipertua,

Berdasarkan statistik permohonan RMR1M dari tahun 2002 sehingga 30 April 2016, sebanyak 82,305 permohonan telah diterima dan dinilai di seluruh negara di mana sebanyak 38,117 unit telah diluluskan. Daripada jumlah tersebut, 35,282 unit telah siap dibina, 2,395 unit di peringkat pembinaan dan 440 unit di peringkat memuktamadkan dokumen perjanjian. Sebanyak 25,137 permohonan telah ditolak kerana tidak mematuhi syarat-syarat kelayakan manakala sebanyak 19,051 permohonan masih di dalam senarai menunggu/ penilaian kelayakan.

Bagi Negeri Perak, sebanyak 8,764 permohonan telah diterima

sejak program RMR1M ini diperkenalkan pada tahun 2002. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 4,061 permohonan telah diluluskan, di mana 3,781 unit telah siap dibina, 206 unit di peringkat pembinaan dan 74 unit di peringkat memuktamadkan dokumen perjanjian.

Bagi Parlimen Bukit Gantang, jumlah keseluruhan permohonan RMR1M yang diterima adalah sebanyak 716 permohonan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 357 permohonan telah diluluskan di mana 354 unit telah siap dibina manakala 3 unit lagi di peringkat pembinaan.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pelaksanaan Program RMR1M ini adalah berdasarkan permohonan yang diterima dari setiap kawasan parlimen di seluruh Negara. Sehubungan dengan itu, semua rakyat boleh memohon rumah di bawah Program RMR1M ini tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan seperti di bawah:-

- i. Warganegara Malaysia;
- ii. Pemohon mestilah berumur 18 sehingga 65 tahun;
- iii. Pendapatan kasar seisi rumah di antara RM750 dan RM3,000 sebulan;

- iv. Pemohon dan pasangan tidak memiliki rumah sendiri atau memiliki rumah yang usang/ tidak sempurna;
- v. Tanah/ tapak mestilah bersesuaian dan bebas daripada gadaian/ bebanan ke atasnya. Jika pemohon bukan tuan punya tanah, pemohon mestilah mendapat kebenaran daripada tuan punya tanah yang dicadangkan;
- vi. Keluasan tanah tidak kurang daripada 2,800 kaki persegi;
- vii. Tertakluk kepada peruntukan dan kelulusan pinjaman melalui SPNB:
 - a. bagi pemohon Semenanjung yang berumur melebihi 43 tahun, pemohon kedua yang berumur di antara 18 hingga 43 tahun diperlukan dan penjamin (sekiranya perlu) kecuali bagi kawasan pulau.
 - b. bagi pemohon dari Sabah, Sarawak dan kawasan pulau yang melebihi 41 tahun, pemohon kedua yang berumur di antara 18 hingga 41 tahun diperlukan dan penjamin (sekiranya perlu).

Setiap permohonan yang diterima dari mana-mana kawasan Parlimen atau DUN adalah melalui wakil rakyat masing-masing di mana ia akan disaring dan dinilai oleh SPNB. Permohonan bagi program ini adalah terbuka sepanjang masa dan pelaksanaannya tertakluk kepada peruntukan subsidi tahunan yang diterima daripada

Kerajaan Persekutuan dan kelulusan pinjaman melalui SPNB.

Program RMR1M ini merupakan satu program di bawah Kerajaan Barisan Nasional dan terbuka kepada warganegara Malaysia yang berkelayakan. Walau bagaimanapun, pelaksanaan program murni ini dan pemberian subsidi adalah untuk semua rakyat yang layak tanpa mengira fahaman politik.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, program RMR1M ini mendapat sambutan luar biasa daripada rakyat di seluruh negara sehingga menyebabkan jumlah permohonan melebihi peruntukan tahunan yang telah disediakan oleh Kerajaan Persekutuan. Perkara ini secara tidak langsung telah menyebabkan terdapatnya permohonan yang memenuhi syarat-syarat kelayakan tidak dapat dilaksanakan pada tahun tersebut. Pada masa ini, terdapat 19,051 permohonan masih di dalam senarai menunggu di seluruh negara. Oleh hal yang demikian, lebihan permohonan setelah mengambil kira peruntukan tahunan yang disalurkan akan dibawa ke tahun hadapan.